



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### SKUAD WAJA GIAT SANTUNI MASYARAKAT MELALUI PROGRAM PSIKOSOSIAL

**SERDANG - 11 September** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan **Program Perhimpunan Semarak Skuad Waja Kebangsaan 2022 Prihatin Rakyat yang telah dihadiri hampir 5,000 sukarelawan Skuad Waja dari seluruh negara.** Skuad Waja adalah sukarelawan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang berperanan sebagai ejen serta mata dan telinga Kerajaan dalam komuniti terutamanya bagi membantu golongan yang sering menjadi mangsa keganasan. Penubuhan Skuad Waja bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jenayah dan menyediakan bantuan awal kepada mangsa dalam menangani sebarang bentuk keganasan atau penindasan terutamanya yang melibatkan jenayah dan isu-isu lain yang berkaitan. **Pelaksanaan Program Skuad Waja ini telah bermula pada Januari 2021 dan sehingga 31 Ogos 2022, jumlah keseluruhan ahli Skuad Waja yang telah berdaftar adalah seramai 326,500 orang melibatkan 252,139 wanita dan 74,361 lelaki.**

**YB Datuk Seri Rina menegaskan** bahawa peranan Skuad Waja dalam komuniti terutamanya dalam tempoh pandemik ini adalah **sangat bermakna dan banyak membantu komuniti.** Ini sebagai satu usaha keperihatinan KPWKM dalam membantu dan melindungi golongan yang sering-menjadi mangsa keganasan terutamanya wanita dan kanak-kanak. Penubuhan Skuad Waja akan menjadi tunjang kekuatan KPWKM dalam menjayakan agenda pemerksaan Keluarga Malaysia. Pelaksanaan program Skuad Waja

membuktikan bahawa usahasama Kerajaan dengan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita adalah tanggungjawab bersama. Ia juga merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat.

Pada tahun 2021, Kementerian telah memfokuskan kepada pendaftaran ahli Skwad Waja. Walau bagaimanapun pada tahun ini, penekanan diberi kepada pelaksanaan program psikososial dan aktiviti turun padang. Oleh itu, ahli Skwad Waja pada tahun ini banyak melaksanakan pelbagai program santuni masyarakat dan mendekati dengan lebih dekat individu yang memerlukan bantuan melalui Model 4K iaitu memberi sokongan dari aspek keseimbangan dalam kehidupan, kemahiran, kewangan dan kepimpinan. **Bermula tahun 2021 sehingga 31 Ogos 2022, seramai 72,694 individu telah disantuni dalam program psikososial. KPWKM komited untuk meningkatkan dan menyebarkan perkhidmatan oleh Skwad Waja di peringkat komuniti bagi memastikan lebih ramai golongan yang memerlukan mendapat bimbingan dan bantuan yang sewajarnya.**

Pada program tersebut YB Datuk Seri Rina juga telah melancarkan Modul Skwad Waja 2.0. Modul ini memberi fokus kepada isu dan situasi lebih khusus yang memerlukan kemahiran spesifik merangkumi **latihan berkaitan Bantuan Awal Psikologi (*Psychological First Aid – PFA*)** iaitu kemahiran yang boleh digunapakai ketika berdepan dengan mangsa bencana dan mangsa kes kecemasan serta **elemen psikospiritual**, iaitu menumpukan kepada terapi pendekatan kerohanian untuk menangani tekanan, membina ketahanan diri, serta sihat mental dan emosi. Turut disampaikan anugerah kepada tiga pemenang bagi kategori Skwad Waja proaktif, Skwad Waja Gemilang dan Skwad Waja Bestari dalam majlis tersebut.

Turut hadir beberapa EXCO Wanita negeri-negeri, YBrs. Encik Chua Choon Hwa (Timbalan Ketua Setiausaha Strategik KPWKM) dan YBrs. Dr. Zurina binti Abdul Hamid (Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita).

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Jabatan Pembangunan Wanita  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 2106